

**SHAMSU'L BAHRAIN SEBAGAI WIRA LEGENDA DI BERUAS, PERAK
*THE LEGEND HEROS OF SHAMSUL'L BAHRAIN IN BERUAS PERAK***

*Norlizawati Md. Nor**

Jelani Harun

Mohamad Luthfi Abdul Rahman

Universiti Sains Malaysia.

leepau84@gmail.com*

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan Hikayat Shamsu'l Bahrain sebagai salah sebuah karya histirografi bagi mengangkat kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas, Perak. Hikayat Shamsu'l Bahrain berkisar tentang kehidupan Shamsu'l Bahrain daripada kecil sehingga dewasa namun, kehebatan dan sifat kepahlawanan beliau merupakan asas yang paling utama ditonjolkan oleh pengarang. Menelusuri isi kandungan Hikayat Shamsu'l Bahrain, Shamsu'l Bahrain atau juga disebut Qamaru'l Bahrain digambarkan sebagai anak raja handal yang dapat menewaskan semua musuh sama ada anak raja, jin, peri, hantu dan sebagainya. Sehingga ke hari ini cerita tentang ketokohan Shamsu'l Bahrain masih disebarkan melalui tradisi lisan oleh masyarakat setempat walaupun amat sukar dibuktikan tanpa adanya naskhah-naskhah dan sumber rujukan. Sesungguhnya, amat sukar menemukan naskhah yang dapat dikaitkan dengan ketokohan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas, lebih-lebih lagi untuk mendapatkan sebuah penulisan yang kursus tentang sejarah awal kerajaan Beruas. Penemuan naskhah Hikayat Shamsu'l Bahrain dan sudut pandangan R.O Winstedt & T. Bottom terhadap hubung kait antara Hikayat Shamsu'l Bahrain dengan kerajaan Beruas telah membuka ruang kajian ini bagi membuktikan

Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas sebagai sumber bertulis. Kewujudan makam, bukit dan beberapa tempat lagi yang terdapat di Beruas, Perak dapat dikaitkan dengan identiti Shamsu'l Bahrain seharusnya diberi perhatian sewajarnya kerana tradisi kelisanan ini telah membentuk budaya dan kepercayaan masyarakat di Beruas yang diwarisi daripada tradisi leluhur nenek moyang mereka. Justeru, kajian ini akan cuba mengetengahkan kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda Beruas berdasarkan analisis terhadap Hikayat Shamsu'l Bahrain dengan disokong dengan sumber-sumber lisan bagi melebarkan hubungan kait sejarah awal kerajaan Beruas dengan ketokohan Shamsu'l Bahrain.

Kata kunci: Shamsu'l Bahrain, naskhah, wira legenda, Beruas, histiriografi, ketokohan dan sumber.

ABSTRACT

This paper discusses the Hikayat Shamsu'l Bahrain as a historiography work. This is to revitalize the position of Shamsu'l Bahrain as a warrior legend in Beruas, Perak. Hikayat Shamsu'l Bahrain is a life story of Shamsu'l Bahrain from his childhood days to adulthood nonetheless, the author focuses on his greatness and his characteristics of a warrior. In-depth reviewing of the contents of Hikayat Shamsu'l Bahrain, Shamsu'l Bahrain or called Qamaru'l Bahrain is being portrayed as a prince of a powerful king that was able to defeat all enemies regardless of a prince, demons, fairies, ghouls and many others. Up till today, stories on the iconic Shamsu'l Bahrain are still being discussed through verbal traditional communication by local communities even though it is a challenged to locate original scripts and source of references. It is rather demanding to find scripts that can be associated to Shamsu'l Bahrain as a legend warrior in Beruas, including searching for specific writings on early history on the governance of Beruas. The discovery of the Hikayat Shamsu'l Bahrain script and the opinions of R.O Winstedt and T. Bottom on the relationship between Hikayat

Shamsu'l Bahrain with the governance of Beruas have opened up the path to this research process. This is to prove that Shamsu'l Bahrain as a legend warrior in Beruas is the main written source. The existence of his tomb, hill and other places that are situated in Beruas, Perak are able to link between the identity of Shamsu'l Bahrain that ought to be given the utmost attention to the verbal traditional form of communication which has shaped the cultural and beliefs of the local communities in Beruas. This is also to highlight that the people of Beruas have inherited the old traditions of their pioneer generations. Therefore, this research focuses on Shamsu'l Bahrain's traditional belief as a Beruas legend warrior based on the analysis of Hikayat Shamsu'l Bahrain that was being reinforced by verbal sources to create a link between the early histories of Beruas with the iconic Shamsu'l Bahrain.

Keywords: Shamsu'l Bahrain, scripts, legend warrior, Beruas, historiography, icon and source.

PENGENALAN

Hikayat Shamsu'l Bahrain (Maxwell 3) yang mengandungi setebal 269 halaman menceritakan kehidupan Shamsu'l Bahrain sebelum kelahirannya sehinggalah kepada baginda terpaksa meninggalkan istana serta kedua ibu-bapanya semasa kecil lagi akibat diculik oleh Jin Mulabazad. Pelbagai rintangan yang terpaksa lalui oleh Shamsu'l Bahrain seperti penderitaan, peperangan, kesakitan dan penipuan, namun telah berakhir dengan kejayaan dan kebahagiaan. Ruang penceritaan ini telah memperlihatkan bahawa Hikayat Shamsu'l Bahrain mempunyai ciri-ciri cerita lipur lara Melayu. Beberapa peristiwa dan perkara yang aneh berlaku kepada watak Shamsu'l Bahrain atau wira dalam hikayat ini sebelum kelahiran sehinggalah dewasa.

Peristiwa-peristiwa keanehan berlaku sebelum dan selepas kelahiran sehingga Shamsu'l Bahrain digambarkan dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain juga mempunyai ciri-ciri yang sama tentang gambaran kelahiran wira-wira yang terdapat pada ceritacerta

Melayu Tradisional kursusnya cerita lipur lara. Antara cerita-cerita lipur lara seperti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Malim Demam*, *Hikayat Anggung Cik Tunggal*, *Hikayat Terung Pipit* dan banyak lagi terdapat unsur-unsur dan peristiwa-peristiwa aneh berlaku sebelum dan selepas kelahiran wira dalam hikayathikayat tersebut menjadi seorang wira yang hebat dan disegani oleh seluruh rakyat jelata (Noriah Taslim, 2006: 7-10). Kemudian wira-wira dalam hikayat tersebut telah mengembangkan cerita dengan membina diri, keberanian, ketabahan, semangat dan keazaman untuk mencapai matlamat masing-masing (Krappe, 1930:16).

Shamsu'l Bahrain menjadi tokoh utama dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain telah digambarkan sebagai seorang yang berwibawa, handal bermain senjata, berkepimpinan dan bijaksana. Sikap-sikap ini yang ada pada diri Shamsu'l Bahrain bukan sahaja digambarkan di dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain malahan dipercayai sebagai tokoh hebat oleh masyarakat Beruas di Perak sehingga kini. Gambaran kehidupan Shamsu'l Bahrain yang dilakarkan dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain dapat dikatakan seumpama sebuah karya epik kerana telah mengisahkan kehidupannya sejak dilahirkan sehingga menempuhi alam perkahwinan di samping telah diselitkan dengan unsur-unsur sejarah kerajaan awal Beruas (Noriah Mohammed, 1966: 44-50). Hal ini bermakna Hikayat Shamsu'l Bahrain telah meriwayatkan kisah kehidupan Shamsu'l Bahrain sebagai tokoh agung dalam menerajui kerajaan Pura Chakra Nakara atau dianggap sebagai wira legenda yang berhubung kait dengan sejarah Beruas. Shamsu'l Bahrain atau Raja Qamarul menjadi tokoh kebanggaan bagi masyarakat Beruas sehingga kini telah menimbulkan persoalan kewujudan beliau pada suatu masa dahulu. Penelitian dari sudut sejauh manakah Shamsu'l Bahrain dapat dibuktikan sebagai wira legenda di Beruas?

Hikayat Shamsu'l Bahrain Sebagai Karya Histiriografi

Dalam proses penelitian terhadap manuskrip Melayu, belum ditemukan satu kajian kursus terhadap naskhah Hikayat Shamsu'l Bahrain sebagai sebuah karya historiografi bagi meletakkan kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas, Perak. Kaedah kajian ini menggunakan penelitian terhadap manuskrip Hikayat Shamsu'l Bahrain (versi Maxwell 3) walaupun masih terdapat dua versi yang lain. Setakat ini Hikayat Shamsu'l Bahrain ditemui dalam tiga versi iaitu versi (MS Maxwell 3), (MS Malay C.1) dan (RAS Raffles Malay 61) yang mengandungi perihal kehidupan Shamsu'l Bahrain daripada kecil sehingga dewasa dan berjaya menerajui kerajaan. Kajian ini berasaskan Hikayat Shamsu'l Bahrain (versi Maxwell 3) berbanding dua versi yang lain kerana isi kandungannya lebih panjang dan lengkap. Kaedah penelitian terhadap naskhah Hikayat Shamsu'l Bahrain adalah berfokuskan pengarang, latar belakang, isi kandungan teks dan turut dibantu dengan kaedah turun ke lapangan di Beruas. Sumber-sumber lisan turut dikumpul berdasarkan temu ramah ke atas beberapa informan terpilih dalam kalangan masyarakat tempatan Beruas bagi mendapatkan penerangan tentang identiti Shamsu'l Bahrain. Data dan sumber keterangan tentang Hikayat Shamsu'l Bahrain dalam bentuk bertulis mahupun lisan dikumpul bagi memantapkan penulisan dalam kajian ini.

Hikayat Shamsu'l Bahrain mempunyai struktur dan ciri-ciri seperti cerita lipur lara yang lain, namun agak keliru untuk menggolongkan karya ini ke dalam genre lipur lara semata-mata kerana isi kandungan karya ini dipercayai mempunyai hubung kait dengan sejarah awal kerajaan Beruas di Perak. Siti Hawa Haji Salleh (1997: 220-222) menyebut bahawa penggunaan istilah hikayat pada sesebuah judul cerita adalah bererti sesebuah karya kesusasteraan itu bersifat penceritaan panjang. Penggunaan istilah hikayat dalam sesebuah judul karya kebanyakan digunakan dalam kesusasteraan Melayu tradisional kecuali kumpulan karya sastera perundangan, sastera keagamaan, sastera ilmu tradisional dan sastera ketatanegaraan (A. Teeuw, 1971: 735-780) Menurut Brakel (1979:

1-2) dalam tulisan *On The Origin Of Malay Hikayat* penggunaan istilah hikayat dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional menjadi asas kepada pengarang Melayu pada masa silam kerana penulisan mereka adalah bertujuan bercerita atau meriwayatkan sesuatu.

Dalam konteks ini penggunaan istilah hikayat pada judul sesebuah karya kesusasteraan Melayu tidak boleh diukur dengan penetapan pada tajuk genre hikayat semata-mata (Braginsky, 1998: 7-9). Hal ini demikian kerana, tidak semua karya yang lahir dalam genre hikayat mempunyai persamaan sama ada dari segi isi mahupun tujuan. Contoh yang nyata dapat dilihat pada *Hikayat Raja Muda* (1964) dengan *Hikayat Raja Pasai* (1986) yang merupakan dua buah karya yang menggunakan judul hikayat pada karya tersebut dan mempunyai ciri-ciri lipur lara Melayu (Noriah Taslim, 2010: 1-3). Namun demikian, kedua-dua karya ini mempunyai perbezaan dari segi isi dan matlamatnya. *Hikayat Raja Muda* (1964) menggambarkan pengembaraan Raja Muda mencari pasangan hidupnya dan terpaksa menghadapi perasaan rindu dendam, pelbagai cabaran, peperangan dan akhirnya mendapat kebahagiaan. Berbeza pula dengan *Hikayat Raja Pasai* (Jones, 1986: 1-20) yang memperlihatkan unsur-unsur kekuatan dan kehebatan Tun Braim Bapa yang menjadi kegilaan kepada semua perempuan di istana lantaran menimbulkan perasaan iri hati oleh bapanya iaitu Sultan Ahmad.

Hikayat Raja Pasai (1986) juga memperlihatkan unsur-unsur dan gambaran peristiwa-peristiwa percintaan antara Tun Abdul Jalil dengan Siti Zulaikha yang penuh keasyikan dan halangan. Unsur-unsur dan peristiwa sedemikian menunjukkan hikayat ini mempunyai ciri-ciri sesebuah cerita lipur lara Melayu. Sekiranya *Hikayat Raja Pasai* dikaji dengan secara mendalam karya ini secara tidak langsung berhubungan dengan sejarah dan salasilah kerajaan negeri Pasai pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad yang dihasilkan dalam bentuk penceritaan. Meskipun hikayat ini ada memaparkan peristiwa yang di luar daripada pemikiran logik akan tetapi melalui peristiwa tersebut menjadi bukti bahawa pada suatu masa dahulu tukang cerita ataupun pengarang mampu

mengungkapkan unsur-unsur sejarah dalam karya-karya mereka secara bijaksana.

Berasaskan pandangan di atas, kemungkinan Hikayat Shamsu'1 Bahrain mempunyai hubung kait dengan sejarah awal kerajaan Beruas di Perak seperti yang diperkatakan oleh Winstedt (1934: 120) dan Bottom (1965:47). Meneliti secara mendalam Hikayat Shamsu'1 Bahrain akan membuka lapisan-lapisan pemikiran dan pandangan terhadap beberapa aspek yang dapat membuktikan bahawa penulisan karya historiografi ini yang mempunyai hubung kait secara tidak langsung dengan sejarah awal kerajaan Beruas.

Hikayat Shamsu'1 Bahrain yang berpusatkan kepada watak Shamsu'1 Bahrain sebagai peneraju dalam pembentukan karya ini digambarkan sebagai seorang anak raja, wira, tokoh dan pejuang yang sangat hebat dengan memiliki sifat-sifat seperti berani, jujur, baik hati, hormat-menghormati, setia, murah hati dan bijaksana. Gambaran watak Shamsu'1 Bahrain memiliki sifat sedemikian telah menjadikan dirinya sebagai seorang tokoh yang hebat pada awal perjalanan cerita hingga kesudahan karya ini.

Shamsu'1 Bahrain Wira Legenda Beruas

Ketokohan dan kehebatan Shamsu'1 Bahrain bukan sahaja tercatat dalam karya ini tetapi melekat di bibir dan sudut ingatan masyarakat tempatan Beruas. Gelaran Raja Shamsu'1 Bahrain sudah cukup terkenal dan diketahui secara umumnya oleh masyarakat tempatan di Beruas sebagai wira legenda sehingga kini. Mengikut sumber lisan masyarakat tempatan di Beruas yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka sehingga ke generasi kini, secara luasnya masyarakat tempatan di Beruas Perak mempercayai bahawa Shamsu'1 Bahrain merupakan seorang anak raja keinderaan yang mempunyai kesaktian dan kedaulatan. Kehebatan Shamsu'1 Bahrain sebagai seorang pahlawan yang dapat mengalahkan pelbagai musuh dan menjatuhkan kerajaan Hindu Gangga Negara sebelum banggunya kerajaan awal Beruas.

Terdapat beberapa versi sumber lisan daripada masyarakat tempatan di Beruas tentang ketokohan Shamsu'1 Bahrain sebagai

wira legenda tempatan tersebut. Kebanyakan sumber lisan daripada masyarakat tempatan di Beruas telah mengangkat ketokohan Shamsu'l Bahrain sebagai anak raja keinderaan yang mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi. Ketokohan Shamsu'l Bahrain yang dinyatakan dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain kemungkinan adalah gambaran sebuah kebenaran tentang kewujudan wira legenda ini pada masa dahulu kerana terdapatnya sebuah bukit yang diberi nama "Bukit Shamsu'l Bahrain" di Beruas sehingga ke hari ini. Mengikut kajian ahli arkeologi (Othman Mohd Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1994: 50-51), "Bukit Shamsu'l Bahrain juga dikenali sebagai "Bukit Residen" mempunyai dinding yang berhampiran dengan laut. Ketinggian dinding Bukit Shamsu'l Bahrain adalah lebih kurang 10 meter dan panjangnya 30 meter yang sangat kuat dan berbatu-bata. Di kemuncak bukit tersebut telah ditemui tempat perkuburan keranda emas dan batu nisan. Kawasan ini sering kali dikunjungi oleh masyarakat tempatan di Beruas dan dari luar untuk menjalankan aktiviti mencari harta karun kerana dipercayai bahawa bukit tersebut pada zaman pemerintahan Shamsu'l Bahrain menjadi lokasi tempat untuk menyimpan barang-barang istana yang berharga.

Bukti kewujudan bukit Shamsu'l Bahrain di Beruas Perak secara tidak langsung mempunyai hubung kait dengan penulisan Hikayat Shamsu'l Bahrain sebagai salah sebuah karya historiografi. Sungguhpun dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain tidak menyebut lokasi atau Bukit Shamsu'l Bahrain, namun kewujudan bukit tersebut ada hubung kait dengan tokoh Shamsu'l Bahrain seperti digambarkan dalam karya tersebut. Boleh diandaikan juga Kota Tembaga yang digambarkan dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain sebagai latar lokasi di kemuncak Bukit Shamsu'l Bahrain. Hasil cari gali daripada ahli arkeologi telah menemui barangan artifak di kemuncak Bukit Shamsul Bahrain tersebut termasuklah di persekitaran Kampung Kota seperti barangan hiasan, alatan peperangan, perkakas istana dan banyak lagi. Kota yang dipercayai berada di puncak Bukit Shamsu'l Bahrain berada dalam keadaan sedemikian (Hikayat Shamsu'l Bahrain, 1906:7):

“Maka, sebab daripada takut akan kuda Mardan Ardkas itu suatu pun tiada apa katanya setelah sampai Shamsu’l Bahrain kepada Kota Tembaga itu maka di bawanya oleh Ain Aljan akan Shamsu’l Bahrain dengan segala taulannya masuk ke dalam kota tembaga itu. Maka dilihat oleh Shamsu’l Bahrain dan segala taulannya sama tengah buna tembaga itu ada sebuah rumah tembaga terlalu amat besarnya di atas rumah itu ada seekor singa betina dan berbagai-bagai pula yang indah-indah di dalam kota tembaga itu dan ajaib-ajaib berbagai-bagai perbuatannya. Maka oleh Ain Aljan akan Shamsu’l Bahrain dengan segala taulannya itu dibawa naik ke rumah itu. Maka dilihat oleh Shamsu’l Bahrain di dalam rumah itu berbagai-bagai yang indah-indah daripada tirai kelambu dan ajaib-ajaib perbuatan”.

Dalam *Hikayat Shamsu’l Bahrain* gambaran Kota Tembaga dilihat oleh Shamsu’l Bahrain adalah sebuah kota yang penuh dengan kemewahan kerana telah dihiasi dengan barangbarang ajaib. Penelitian terhadap gambaran Kota Tembaga yang digambarkan dalam *Hikayat Shamsu’l Bahrain* adalah berkemungkinan besar kota tersebut merupakan sebuah kota atau kerajaan kota yang berada di puncak Bukit Shamsu’l Bahrain pada suatu ketika dahulu.

Dalam pada itu, kewujudan tokoh Shamsu’l Bahrain dalam *Hikayat Shamsu’l Bahrain* bukanlah watak dongeng semata-mata akan tetapi mempunyai kaitan dengan sejarah awal kerajaan Beruas. Watak Shamsu’l Bahrain yang digambarkan pada permulaan karya ini seperti berikut:

“Maka ceterakan oleh orang yang empunya cetera ini, setelah genaplah baginda laki isteri berbuat taat tujuh tahun tujuh bulan tujuh hari maka permaisuri pun hamillah. Setelah baginda melihat permaisuri hamil itu maka baginda pun terlalu amat sukacita maka, baginda pun segeralah memberi sedekah tiadalah berhingga lagi

setelah genaplah bulannya. Maka permaisuri pun berputeralah seorang putera laki-laki terlalu amat elok rupanya bercahaya-bercahaya mukanya gilang-gemilang, warna tubuhnya seperti matahari buntal kilau-kilauan tiada dapat ditentang nyata seperti anak-anakan rasanya. Maka terlalulah suka baginda lihat paras anakanda baginda seperti kejatuhan bulanlah rasanya. Maka lalu disambut isteri raja-raja yang tua-tua, lalu dimandikan dan diselimutkan dengan kain yang keemasan. Lalu diletakkan di atas tilam. Maka baginda pun datang lalu menyambut anakanda baginda dipeluk dicium oleh baginda dengan sukacitanya. Maka baginda pun keluarlah ke penghadapan dihadapi oleh menteri pegawai hulubalang pahlawan rakyat bala tentera sekalian penuh sesak di balairung seri. Maka baginda pun menyuruh memalu bunyibunyan tujuh hari tujuh malam serta baginda pun bersedekah kepada segala fakir miskin terlalu banyak. Maka, baginda pun menamai anakanda itu Shamsu'l Bahrain timang-timangannya Qamarul Bahrain”

(Hikayat Shamsu'l Bahrain, 1906: 4-5).

Gambaran watak Shamsu'l Bahrain sangat sempurna sama seperti wira-wira dalam hikayat-hikayat Melayu lain dan ini merupakan salah satu konvensi kepengarangan Melayu pada ketika itu. Ada kemungkinan juga pengarang Hikayat Shamsu'l Bahrain mempunyai matlamat tersendiri untuk disampaikan kepada masyarakatnya. Menurut Hanafi Dollah (2004:152-182), adalah amat mustahil bahawa kewujudan sesuatu perkara tanpa sejarah dan hubung kaitannya di antara satu sama lain. Pernyataan ini amat berhubungan dengan pandangan Badriyah Haji Salleh (2000:46) yang menyatakan bahawa setiap kelahiran sesebuah karya sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan membawa unsur-unsur kebenaran dan boleh dianggap sebagai sumber sejarah masyarakat tempatan. Dari sudut pandangan ini, Bukit Shamsu'l Bahrain yang

wujud di Beruas Perak boleh dianggap mempunyai hubungan dengan watak Shamsu'l Bahrain seperti yang digambarkan dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain. Shamsu'l Bahrain adalah wira legenda bagi masyarakat tempatan di Beruas yang dipercayai pernah hidup pada zaman kegemilangannya dan dianggarkan sekitar abad ke-2 Masihi hingga 15 Masihi sewaktu kemunculan kerajaan awal di Beruas dan sewaktu kejatuhan kerajaan Gangga Negara. Bukti kedudukan Bukit Shamsu'l Bahrain terdapat dalam peta Beruas, Perak kini.

Kedudukan Bukit Shamsu'l Bahrain atau juga disebut Bukit Residen yang terdapat dalam peta 1 telah membuktikan kewujudannya di Kampung Kota Lama, Beruas Perak. Kawasan Bukit Shamsu'l Bahrain telah menjadi tumpuan penduduk tempatan Beruas kerana telah diwartakan sebagai lokasi tapak warisan. Sehingga kini Bukit Shamsu'l Bahrain atau Bukit Residen dipercayai sebagai bukit keramat oleh masyarakat Beruas dan sekitarnya Nik Hassan Suhaimi Nik Abd. Rahman, 2011: 10-12). Sekiranya berlaku mala petaka buruk di kawasan tersebut, masyarakat Beruas akan mengadakan upacara pemujaan yang telah diamalkan dari nenek moyang mereka suatu ketika dahulu. Tradisi upacara pemujaan terhadap Bukit Shamsu'l Bahrain tersebut akan dilakukan oleh pawang atau dukun yang berkebolehan agar dapat menolak bala tersebut.

Keterangan tentang pemujaan dan kepercayaan ini telah diperakui oleh Arifin Mahmud (62), dengan menyatakan pawang atau bomoh sering melakukan upacara pemujaan di Bukit Shamsu'l Bahrain seandainya berlaku kejadian mala petaka terhadap sesiapa yang mendaki atau menghampiri bukit tersebut untuk tujuan tertentu. Hal ini berkaitan, dengan kepercayaan masyarakat Beruas terhadap adanya unsur keramat yang terdapat pada bukit Shamsu'l Bahrain. Lanjutan dari keterangan Arifin Mahmud (62) lagi, sesiapa yang mendaki atau menghampiri Bukit Shamsu'l Bahrain mereka akan diganggu oleh makhluk halus, tidak menjumpai jalan keluar, terjempa barang berharga dan sebagainya.

Kejadian-kejadian misteri ini sering kali berlaku kepada penduduk tempatan Beruas berdasarkan pengalaman-pengalaman

yang pernah mereka lalui. Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh masyarakat Beruas, mereka akan mengadakan upacara pemujaan untuk memujuk makhluk halus supaya tidak mengganggu sekiranya mereka berhajat untuk mendaki atau menuruni bukit tersebut. Contoh upacara yang dilakukan lazimnya seperti upacara jamu makhluk halus, menurun, jampi serapah dan tarian semangat. Kejadian-kejadian misteri tersebut berlaku kerana Bukit Shamsu'l Bahrain dipercayai sebagai kota jin yang dihuni pelbagai makhluk halus termasuklah bunian, peri, hantu dan sebagainya. Pada situasi ini pawang atau bomoh amat berperanan penting untuk melangsungkan sesuatu upacara khususnya berkaitan dengan upacara pemujaan terhadap Bukit Shamsu'l Bahrain. Oleh sebab itu, sehingga ke hari ini masyarakat Beruas masih percaya Bukit Shamsu'l Bahrain sebagai sebuah kota keramat dan di puncaknya terdapat sebuah gua yang mempunyai ukiran pada dinding seperti berbentuk kristal dan mengandungi barang-barang istana. Di puncak Bukit Shamsu'l Bahrain juga dipercayai sebagai pusat pentadbiran yang masyhur pada suatu masa dahulu dan telah diterajui oleh Shamsu'l Bahrain. Penemuan barang-barang lama istana dapat membuktikan terdapat penempatan di kawasan tersebut pada suatu masa dahulu. Masyarakat Beruas amat berhati-hati ketika menghampiri kawasan Bukit Shamsu'l Bahrain kerana mereka mempercayai tentang adanya semangat spiritual yang mengawal bukit tersebut.

Sehubungan itu, kepercayaan masyarakat Beruas terhadap kewujudan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda dalam sejarah kerajaan awal Beruas bukan sahaja dapat dikaitkan dengan penemuan Bukit Shamsu'l Bahrain. Namun terdapat sesetengah daripada mereka percaya adanya makam Shamsu'l Bahrain di beberapa lokasi di sekitar Beruas. Mengikut sumber lisan oleh Jamaluddin Abdul (59 tahun), salah satu lokasi yang dipercayai terletakinya makam Shamsu'l Bahrain adalah di Kampung Kota Lama Beruas.

Makam Shamsu'l Bahrain terletak di Bukit Kota, jarang diketahui oleh masyarakat tempatan Beruas pada masa kini. Hal ini demikian, lokasi dan kedudukan makam Shamsu'l Bahrain kurang

diberi perhatian oleh masyarakat tempatan mahupun para penyelidik. Masyarakat Beruas yang mengetahui dan mempercayai kewujudan makam Shamsu'l Bahrain ini kebanyakannya adalah berusia dalam lingkungan 40 tahun ke atas. Hasil daripada temu bual ini, masyarakat tempatan Beruas yang berusia dalam lingkungan 40-an ke atas masih berpegang kepada kepercayaan tradisi nenek moyang mereka tentang ketokohan Shamsu'l Bahrain yang diperturunkan secara lisan daripada satu generasi ke satu generasi. Mengikut kepercayaan tradisi nenek moyang masyarakat Beruas, ketokohan Shamsu'l Bahrain dipercayai sebagai anak raja yang berpengaruh, berwibawa dan amat disegani oleh masyarakat Beruas pada suatu ketika dahulu kerana kehebatannya dalam peperangan, penaklukan, kebijaksanaan dan keupayaannya menyebarkan agama Islam. Zaman pemerintahan Shamsu'l Bahrain merupakan zaman awal kemasukan Islam di Beruas kerana pada zaman tersebut terdapat kerajaan Hindu yang dikenali sebagai kerajaan Gangga Negara telah jatuh. Bermula dari situlah agama Islam mula tersebar. Kini, generasi muda yang berusia 20-an, kebanyakan dalam kalangan mereka sudah tidak lagi didedahkan tentang kisah Shamsu'l Bahrain akibat perubahan waktu dan zaman.

Walaupun terdapat pelbagai persepsi tentang kemasukan Islam dalam kerajaan awal Beruas, namun dari sudut kepercayaan dan pandangan oleh masyarakat Beruas, mereka amat berpegang kepada kepercayaan kemasukan agama Islam adalah dikembangkan oleh orang-orang Aceh yang ada kaitannya dengan Shamsu'l Bahrian. Masyarakat Beruas percaya Shamsu'l Bahrain adalah anak raja berketurunan Aceh yang datang membuka kerajaan Beruas. Pada masa yang sama mereka juga yakin Shamsu'l Bahrain adalah salah seorang daripada angkatan panglima perang yang bertempur mengalahkan kerajaan Gangga Negara.

Menurut keterangan daripada Sejarah Perak Siri Pertama (Abdul Halim Nasir, 1977:65-88), kerajaan awal Beruas telah dibuka oleh raja dari Aceh yang bernama Malik Al Mansur pada kurun ke-15. Baginda dengan beberapa orang pengikut telah berlayar ke semenanjung dan singgah di Beruas. Dalam Sejarah Melayu (2006:

10-11) pula menyatakan daerah Beruas telah ditakluki kerajaan Melayu Melaka yang diterajui oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Sehubungan itu, terdapat juga pandangan yang menyatakan Beruas merupakan tempat yang pertama didatangi Islam. Tanggapan ini telah ditimbulkan berdasarkan dakwaan tentang penemuan batu bersurat oleh masyarakat tempatan pada tahun 1986 di Pekan Beruas. Daerah Beruas ini adalah tempat yang pertama didatangi agama Islam. Persoalan ini masih lagi ditimbulkan oleh masyarakat setempat, kerana dakwaan kewujudan batu bersurat di Pekan Beruas masih belum dapat dibuktikan.

Hingga kini, para sejarawan masih gagal untuk membuktikan secara tepat tentang kewujudan tokoh terawal yang membuka kerajaan awal Beruas selepas kejatuhan kerajaan Gangga Negara (www.muziumperak.gov.my). Oleh sebab itu, kajian dan penulisan terhadap jurai keturunan atau tokoh-tokoh yang membuka kerajaan awal Beruas sama ada dari sudut lisan atau tulisan masih lompong dalam perkembangan sejarah awal kerajaan Perak. Walaupun terdapat beberapa tulisan sejarah awal kerajaan Beruas hakikatnya masih kontang dalam menyusurgalurkan jurai keturunannya kerana kekurangan sumber-sumber dan bahan-bahan. Rata-rata penulisan tentang susur galur keturunan tokoh-tokoh yang membuka kerajaan awal Beruas hanya merujuk kepada sumber daripada Sejarah Melayu/Sulalatus Salatin bahawa kerajaan awal Beruas telah dibuka oleh raja dari Aceh yang bernama Malik Al-Mansur dan beragama Islam. Seumpamanya, penulisan oleh N.A. Halim (1981), Abdul Halim Nasir (1997), Buyong Adil (1981), Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2011) dan ramai lagi masih tidak dapat menjelaskan jurai keturunan raja-raja kerajaan Gangga Negara-Berusas secara jelas sebagai bukti asal-usul rajaraja Perak. Penulisan ahli sejarah ini lebih memfokuskan jurai keturunan raja-raja Perak yang bermula dengan Sultan Muzaffar Syah (1) pada 1528-1528).

Penemuan makam-makam raja Beruas berukiran ayatayat suci Al-Qur'an dapat membuktikan raja-raja Beruas adalah beragama Islam. Hal ini terbukti berdasarkan kajian sarjana

sepanjang kawasan Beruas yang banyak menemui makam-makam raja Perak dan batu nisannya berukiran Al-Qur'an bertulisan Jawi (Kamarul Bahrain Buyong, 1989: 2-3). Perkara ini telah mengesahkan bahawa kerajaan Melayu Beruas telah diasaskan oleh orang-orang yang terlebih dahulu memeluk agama Islam (Othman Mohd Yatim, 1994: 3-4). Keterangan daripada Sejarah Melayu yang menyatakan kerajaan awal Beruas telah dibuka oleh raja dari Aceh pada abad ke-15 yang bernama Malik Al-Mansur bersama pengikutnya dan menyebarkan agama Islam telah menimbulkan persoalan tentang kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai tokoh dalam sejarah pembukaan kerajaan awal Beruas. Mengikut kepercayaan masyarakat, Beruas Shamsu'l Bahrain merupakan tokoh yang pernah membuka kerajaan dan menyebarkan agama Islam di Beruas kerana terdapat makamnya yang terletak di beberapa tempat seperti di Kampung Kota Lama, Kampung Tanjung Jati dan di atas Bukit Shamsu'l Bahrain.

Sungguhpun terdapat pelbagai pandangan tentang lokasi makam Shamsu'l Bahrain, namun melalui kaedah soal selidik yang dijalankan terhadap masyarakat Beruas, didapati sebahagian daripada mereka meyakini akan kewujudan makam Shamsu'l Bahrain adalah terletak di Kampung Kota Lama.

Batu nisan yang terdapat pada makam Shamsu'l Bahrain yang terletak di Kampung Kota Lama Beruas dipercayai adalah sama dengan batu nisan yang terdapat di Aceh (Othman Mohd Yatim, 2006:32-33). Mengikut kajian Othman Mohd. Yatim (2006: 43-46), keseluruhan jumlah batu nisan yang di bawa dari Aceh terdapat di Malaysia adalah sebanyak 860. Di sekitar Beruas, Perak dianggarkan lebih daripada 29 batu nisan Aceh yang terdiri daripada makam raja-raja Beruas, Laksamana, hulubalang dan lain-lain. Makam-makam yang dijumpai dipercayai mereka adalah beragama kerana terdapat ayat-ayat suci Al-Qur'an. Pada batu nisan tersebut terdapat ukiran yang diyakini daripada batu nisan yang di bawa dari Aceh. Batu nisan yang terdapat pada makam Shamsu'l Bahrain bertarikh 1700-1800 AD, kemungkinan Shamsu'l Bahrain adalah dari jurai keturunan Raja-Raja Beruas kerana mengikut keterangan daripada kajian Othman Mohd Yatim (2006:

3-5) batu nisan makam raja-raja Beruas yang ditemui di Beruas adalah sama dengan batu nisan seperti yang terdapat di Aceh.

KESIMPULAN

Hakikatnya, amat sukar untuk mengukur kebenaran makam Shamsu'l Bahrain dengan berlandaskan fakta sejarah dan bukti arkeologi yang kukuh. Hal ini demikian kerana, tidak semua perkara dapat dibuktikan dengan jelas lebih-lebih lagi batu nisan pada makam Shamsu'l Bahrain tidak dicatatkan nama dan tarikh. Memandangkan watak Shamsu'l Bahrain sebagai watak utama dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain, penyelidikan ini perlu diberikan perhatian kerana wujudnya Bukit Shamsu'l Bahrain dan makam Shamsu'l Bahrain yang diyakini benar oleh masyarakat tempatan sehingga kini.

Dakwa Winstedt dan Bottom yang menyatakan Hikayat Shamsu'l Bahrain berhubungan dengan sejarah Beruas tidak wajar dianggap sebagai mitos semata-mata kerana ketokohan Shamsu'l Bahrain masih melekat pada bibir, ingatan dan papan tanda tentang sejarah kerajaan Gangga Negara dan Beruas di Perak (R.O Winstedt, 1941:1). Pandangan Winstedt dan Bottom tentang hubungan Hikayat Shamsu'l Bahrain dengan sejarah Beruas tidak harus dipertingkatkan. Pernyataan ini selari dengan pandangan Badriyah Haji Salleh (2000: 45-48) ukuran terhadap kebenaran atau sesuatu peristiwa bukan hanya terletak pada kaedah cari gali semata-mata dan bersaksikan penemuan barangbarang tinggalan namun tentang sejarah masyarakat silam perlu dinilai dari segi nilai leluhur, kepercayaan, semangat dan tradisi yang diwarisi.

Dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* telah ditemukan beberapa aspek yang boleh diangkat sebagai unsur-unsur sejarah yang berkaitan dengan sejarah awal kerajaan Beruas. Misalnya terdapat nama watak Shamsu'l Bahrain dan bukit Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas, termasuk juga jalan cerita dan latar tempat yang disebut dalam Hikayat Shamsul Bahrain wujud dalam sejarah awal Beruas sehingga kini. Contohnya, kewujudan bukit Shamsu'l Bahrain atau dikenali bukit Residen dan beberapa latar lagi

dipercayai sebagai kota Panca Logam yang disebut dalam Hikayat Shamsu'l Bahrain sebagai tapak pemerintahan kerajaan Hindu pada zaman kerajaan Gangga Negara dan dapat dikaitkan dengan lokasi yang terdapat di Beruas kini.

Dalam pada itu, plot pengembaraan Shamsu'l Bahrain bersama enam sahabatnya dapat dikonotasikan sebagai pengembaraan panglima-penglima perang dari Aceh yang membawa agama Islam ke Beruas. Salah seorang daripada kalangan panglima perang tersebut dikenali sebagai Shamsu'l Bahrain seperti yang dinyatakan dalam penulisan Jalil Miran (Othman Mohd Yatim, 1994: 6-8) lebih-lebih lagi karya ini diberi tajuk sebagai Hikayat Shamsu'l Bahrain dengan merujuk kepada watak utama dalam karya tersebut. Pandangan Jalil Miran ini dapat perkukuhkan lagi dengan hujahan dan sokongan daripada sudut pandangan Badariyah Haji Salleh dengan menggunakan landasan sejarah dari bawah yang menyatakan bahawa sesebuah penulisan sejarah dari bawah tidak akan wujud tanpa sebarang rujukan atau pengaruh. Hal ini bermakna penguasaan masyarakat Melayu masa silam dalam ilmu penulisan yang diungkap dalam karya-karya mereka dipengaruhi persekitaran, kepercayaan, agama dan budaya yang diamalkan atau dianuti. Sehingga kini masyarakat tempatan Beruas mempercayai bukit dan makam Shamsu'l Bahrain sebagai kawasan keramat dan mistik. Perkara ini menggambarkan masyarakat pada masa silam berinteraksi dengan alam sekitar dan budaya melingkungi kehidupan, termasuklah kepercayaan daripada nenek moyang mereka.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (2006). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw. (1971). "A Review of Richard Winstedt's A History of Classical Malay Literature". Dalam *Journal of Asian Studies*, 30 (3). Hlm: 737-800.

- Abdul Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak Siri Pertama*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Badriyah Haji Salleh. (2000). "Sejarah Budaya Masyarakat Bumiputera Malaysia" dalam Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia: *Esei Sumbangsih* Kepada Dr. Cheah Boon Kheng. (Disunting oleh Mahani Musa dan Tan Liok Ee). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Braginsky, V.I. (1998). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu Dalam Abad 7-19*. Jakarta: INAS.
- Brakel, L.F., (1979). "On the Origins of The Malay Hikayat" dlm. *RIMA*, 13 (2), hlm: 1-33.
- Bottom, J.C. (1965). "Malay Historical Work". Dlm. *Malaysian Historical Souces* (edited by K.G. Tregonning), hlm: 36-62.
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Dollah. (2004). *Sastera Dalam Perspektif Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hikayat Shamsu'l Bahrain*. (1906). Salinan Manuskrip Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society. Journal (No.47). Singapura: Printed At The Methodist Publishing House.
- Jones, R., (1986). *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Kamarul Bahrain Buyong, (1989). "Warisan Sejarah dan Budaya Negeri Perak" Dlm *Esei-Esei Budaya Dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Krappe, Alexander H. (1930). *The Science of Folklore*. London: Methuan & Co. Ltd.
- Liaw Yock Fang. (1987). "Penulisan Sejarah Sastera Tradisional dan Masalahnya" dlm. *Cendekiawan Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 13-23.
- N.A. Halim. (1981). *Tempat-tempat Bersejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Nik Hassan Nik Suhaimi Nik Abd. Rahman, (2011). "Arkeologi di Negeri Perak 1886-2011" dlm. *Perak Warisan Arkeologi*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.

- Noriah Mohammed (1996). "Wira dalam Kesusasteraan Klasik Jawa" dlm. *Jurnal Pengajian India*, Jilid:6. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm: 47-59.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan: Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2006). *Syair Raja Muda Perlis: Teks dan Geneologi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Taslim. (2010). "Membawa Manuskrip Ke Percetakan Pada Abad ke-19: Implikasi Sosiobudaya dan Respons Elita Melayu" Dalam Pangura: *Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara* Januari-Jun. Jil.16, Bil.30. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm: 1-3.
- Othman Mohd Yatim & Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman (Peny.). (1994). *Beruas Kerajaan Kuno di Perak*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Othman Mohd Yatim. (1994). *Dinding: Jajahan Istimewa Di Perak*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia.
- Othman Mohd Yatim. (2006). *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones In Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. (1970). *Hikayat Raja Muda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt R.O., & Wilkinson, R.J. (1934). "A History of Perak". Dlm. *JMBRAS* (12). Part 1.
- Winstedt R.O., (1941). "The Perak Site of The Sailendra Empire". Dalam *JMBRAS* (Vol. XIX), Part. hlm: 1.

TEMU RAMAH

Nama: Usman bin Mohammad Alamat: Kg Kota Beruas Perak
 Jawatan: Pekebun dan Penghulu kampung Kota
 Asal: Kampung Kota Beruas
 Umur: 62 tahun
 Masa dan tarikh temu bual: Pukul 3.00 Petang hingga 6.00 petang
 [8.8.2012]

Nama: Arifin bin Mahmud Alamat: Jalan Setiawan 32700 Beruas Perak

Jawatan: Pesara Jabatan Pengaliran dan Saluran (JPS)

Asal: Kampung Kota Beruas

Umur: 52 tahun

Masa dan tarikh temu bual: -Pukul 11.30 Pagi hingga 2.00 Petang [2.10.2012]

Nama: Ahmad Morsidi bin Zahidin Alamat: Kampung Dendang Beruas Perak Jawatan: Ahli perniagaan Asal: Kg Beruas

Umur: 62 tahun

Masa dan tarikh temu bual: Pukul 11.15 Pagi hingga 3.00 Petang [3.10.2012]

Nama: Jamaluddin bin Abdul Alamat: Kg Banggol Beruas Perak Jawatan: Pekebun Asal: Kg Beruas

Umur: Umur 59 Masa dan tarikh temu bual: Pukul 9.00 malam hingga 12.00 Tengah Malam [4.10.2012]

INTERNET www.muziumperak.gov.my/21.2/2015. 10pagi.